



ASM diarah buat kaji selidik isu pelajar tak minat sambung belajar

KOTA TINGGI: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meminta Akademi Sains Malaysia (ASM) melakukan kaji selidik semula berhubung isu lebih 70 peratus pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang tidak mahu menyambung pelajaran.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sekiranya angka itu benar-benar menunjukkan situasi sebenar, ia adalah kerugian kepada negara untuk melahirkan lebih ramai bakat muda dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Katanya, kajian itu perlu dilakukan segera bagi melihat tindakan sesuai yang akan dilaksanakan untuk menambah minat golongan itu.

"Bagaimanapun kita beranggapan 72 peratus pelajar lepasan SPM dan STPM tidak berminat lanjut pelajaran adalah satu isu. Kita kena mengesahkannya, dan saya sudah arah Akademi Sains Malaysia (ASM) iaitu akademi menyokong sains industri dalam negara supaya membuat kaji selidik semula adakah peratusan tersebut tepat atau tidak.

"Sekiranya benar ia menunjukkan angka 72 peratus tidak berminat sambung pelajaran, ia adalah satu kerugian kepada negara. Langkah selanjutnya perlu kita laksanakan supaya perkara ini tidak jadi bebanan awal untuk kita lahirkan generasi berteknologi tinggi dan minat dalam bidang sains inovasi dan teknologi.

"Jadi kita minta ASM melakukan kaji selidik segera untuk kenal pasti peratusan itu tepat atau bukan. Kemudian kita akan kemukakan hasilnya kepada kerajaan bagi melihat apakah tindakan susulan yang akan laksanakan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Karnival STEM Merdeka Minggu Sians Negara Keluarga Malaysia di Pusat Informasi dan Pelancongan Kota Tinggi di sini, hari ini.

Pada 31 Julai lalu, Kaji selidik **Jabatan Perangkaan** mendapati kira-kira 390,000 atau 72.1 peratus lepasan SPM tidak mahu menyambung pelajaran.

Walaupun data tersebut adalah dari tahun 2019 tetapi trend tersebut dipercayai berterusan pada 2020 dan 2021.

Mengikut data kajian tahun 2019, membabitkan 560,000 calon SPM yang mengambil peperiksaan namun selepas keputusan , hanya kira-kira 170,000 memilih menyambung pengajian manakala baki-nya memilih untuk tidak berbuat demikian.

Dr Adham yang juga Ahli Parlimen Tenggara turut mengucapkan tahniah diatas penganjuran karnival itu yang turut mendapat kerjasama kerajaan Johor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Katanya, melalui program seperti itu secara tidak langsung dapat merealisasikan harapan Perdana Menteri supaya lebih ramai bakat-bakat muda baru menyertai bidang sains dalam karier pelajaran dan pekerjaan.

Sementara itu, dalam ucapannya Dr Adham berkata, penganjuran Minggu Sains Negara yang dilancarkan pada April lalu telah berjaya mencapai lebih 1.56 juta penyertaan di mana pada asalnya

sasaran hanya 1.5 juta penyertaan sehingga Oktober namun berjaya dicapai lebih awal pada 11 Ogos lalu.

"Data terkini yang diperoleh sehingga 27 Ogos semalam, lebih 1.67 juta penyertaan dicatatkan. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan. Untuk makluman, sehingga kini, sebanyak 175 program telah dianjurkan melalui Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia 2022 ini.

"Minggu Sains Negara Keluarga Malaysia 2022 ini jelas mencerminkan kejayaan sebuah platform yang memperkayakan aktiviti penemuan dan eksplorasi sains bagi tujuan pengukuhan pendidikan sains dalam kalangan pelajar," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/993775/asm-diarah-buat-kaji-selidik-isu-pelajar-tak-minat-sambung-belajar>